

# **Soalan Lazim – Perlindungan Kemasukan Ke Hospital untuk kesan sampingan vaksin Covid-19**

## **1) Jika saya dimasukkan ke hospital akibat kesan sampingan vaksin Covid-19, adakah saya akan dilindungi?**

Dalam sebahagian daripada terma-terma & syarat-syarat pelan, biasanya ia tidak akan dilindungi. Walau bagaimanapun, Etiqa Family Takaful Berhad telah membuat pengecualian khas untuk memberikan perlindungan kepada semua pelanggan yang mempunyai pelan Perubatan dengan kami sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kesan sampingan vaksin Covid-19 (untuk vaksin yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja). Pengecualian khas ini ditawarkan sehingga 31 Disember 2021.

## **2) Apakah terma-terma dan syarat-syarat untuk kelayakan ini?**

- Anda mestilah seorang individu atau pelanggan berkumpulan Etiqa Family Takaful Berhad.
- Anda mesti mempunyai Pelan Perubatan dengan kami.
- Pelan anda mestilah berkuatkuasa, aktif dan tidak mempunyai masalah (iaitu tiada bayaran sumbangan yang tertunggak) semasa anda dimasukkan ke hospital dan ketika penyerahan tuntutan.

## **3) Berapakah jumlah perlindungan?**

Jumlah perlindungan adalah mengikut had tahunan & had sepanjang hayat semasa.

## **4) Bilakah pengecualian khas ini akan berakhir?**

Pengecualian khas ini ditawarkan sehingga 31 Disember 2021. Walau bagaimanapun, Etiqa berhak untuk menukar, melanjutkan atau menarik balik tawaran ini pada bila-bila masa tanpa notis.

## **5) Adakah saya akan menikmati manfaat perubatan istimewa ini jika saya dimasukkan ke Hospital Kerajaan?**

Etiqa dengan sukatanya berkongsi bahawa pelanggan yang mempunyai pelan Perubatan akan menikmati manfaat pelan sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kesan sampingan vaksin Covid-19 (untuk vaksin yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja) di Hospital Kerajaan atau Swasta.

## **6) Bagaimana jika saya dimasukkan ke hospital semasa tempoh menunggu pelan?**

Anda tidak akan dilindungi sekiranya pelan masih dalam tempoh menunggu 30 hari dari tarikh pelan anda dikeluarkan.

## **7) Bagaimanakah saya boleh menuntut manfaat khas ini?**

Tuntutan manfaat kemasukan ke hospital akibat kesan sampingan vaksin Covid-19 tersedia untuk pembayaran balik (kemasukan tanpa tunai tidak tersedia). Anda perlu membayar bil tersebut semasa discaj dari hospital dan membuat serahan tuntutan ganti rugi kepada Etiqa melalui Livechat di [www.etiqa.com.my/livechat](http://www.etiqa.com.my/livechat), email di [info@etiqua.com.my](mailto:info@etiqua.com.my) atau Aplikasi Etiqa Smile. Apa yang perlu anda lakukan ialah menyerahkan borang tuntutan (borang diperlukan untuk tuntutan di Livechat & Email sahaja dan tersedia melalui <https://etiqua.com.my/v2/claims/medical>), laporan diagnosis perubatan, bil hospital & resit hospital (resit perlu ditandakan dengan "Untuk Etiqa sahaja").

## **8) Sebaik sahaja saya menuntut manfaat khas ini, adakah ia akan mengurangkan jumlah perlindungan manfaat pelan saya?**

Manfaat perlindungan bagi kemasukan ke hospital akibat kesan sampingan vaksin Covid-19 akan menggunakan had peruntukan semasa yang tersedia di dalam pelan anda dan ia juga akan menolak jumlah had tahunan & had sepanjang hayat.

\*Nota untuk semua soalan di atas:

- Tertakluk kepada kelulusan dari Etiqa.
- Walaupun pengecualian telah dibuat untuk terma kami bagi kemudahan perlindungan sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kesan sampingan vaksin Covid-19, semua terma-terma & syarat-syarat untuk pelan lain adalah kekal.
- Etiqa berhak untuk menukar, melanjutkan atau menarik balik tawaran pengecualian ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis untuk menyokong ke arah tuju dinamik bagi pihak berkepentingan sepanjang tempoh ini (seperti Kerajaan, Bank Negara Malaysia, Badan Industri, Pihak Berkuasa Kesihatan & Masyarakat secara keseluruhannya).